

# Time sifatkan projek Proton langkah penting

(P) BH 6.5.87.  
KUALA LUMPUR, Selasa — Majalah *Time* keluaran terbaru menyifatkan rancangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melaksanakan projek Proton Saga adalah satu langkah terpenting ke arah program perindustrian negara ini.

Menurut majalah itu, rancangan berkenaan dibentuk bagi membolehkan Malaysia berubah daripada sebuah negara yang ekonominya bergantung kepada komoditi kepada negara membangun yang mempunyai industri bermodal tinggi.

Pengeluaran Proton Saga dikatakan akan membantu menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan memperkembangkan industri membuat barangan tempatan seperti tayar dan bateri.

Majalah *Time* juga menerangkan dua kesan yang akan dihadapi sekiranya projek itu memperolehi kejayaan atau mengalami kegagalan.

Menurut majalah itu, sekiranya projek Proton Saga berjaya ia akan menaikkan nama Datuk Seri Dr Mahathir. Tetapi jika

gagal, Perdana Menteri mungkin menghadapi masalah politik.

Menyentuh mengenai usaha memasarkan Proton Saga ke Amerika Syarikat, *Time* menerangkan kejayaan usaha memasarkan kereta itu ke Amerika akan mendatangkan keuntungan kepada negara ini.

## Lombong

Majalah itu memetik dua hujah yang dikemukakan; pertama oleh pemimpin syarikat tempatan yang menjayakan rundingan perniagaan antara Bricklin dan kerajaan Malaysia, Larry Risser dan seorang diplomat Barat.

Menurut Larry Risser, sekiranya 60,000 Proton Saga berjaya dijual di Amerika pada tahun pertama, Malaysia akan berjaya mengutip keuntungan \$20 juta.

Sementara itu, seorang diplomat Barat di Kuala Lumpur berkata: "Projek Proton Saga akan mencapai kejayaan sekiranya kereta itu berjaya menembusi pasaran Amerika."

Majalah itu juga melaporkan kepercayaan yang diberikan oleh Malcolm Bricklin terhadap projek Proton Saga. Beliau ialah pemimpin Bricklin Industries yang

bertanggungjawab memasarkan Proton Saga ke Amerika Syarikat.

Selepas melawat kilang Proton Saga di kawasan perindustrian Batu Tiga, Shah Alam, Malcolm Bricklin dilaporkan sebagai berkata beliau sudah 'menjumpai sebuah lombong emas'.

Keyakinan itu membuat beliau menandatangani surat hasrat dengan Proton untuk mengeksport Proton Saga ke Amerika Syarikat dan bersetuju menanggung kos \$10 juta bagi membolehkan kereta itu memasuki pasaran Amerika.